

12 NOV 2000

HAD UMUR BERSARA AKAN DIKAJI, KATA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan akan mengkaji cadangan untuk meningkatkan had umur persaraan kakitangan awam.

Katanya cadangan itu yang terkandung dalam laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) II akan dibincangkan secara terperinci bersama dengan cadangan-cadangan lain.

"Cadangan itu sama ada dipersetujui atau tidak belum ditentukan," katanya pada sidang media selepas majlis perjumpaan dengan Ketua-ketua Bahagian Umno di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan kerajaan sedang meneliti umur persaraan yang sesuai sama ada akan menjangkau 60 tahun atau lebih sedikit daripada had usia 55 tahun pada masa sekarang.

Mapen II telah menyerahkan laporannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 Nov lepas.

Laporan itu bagi membolehkan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) dirangka bagi menggantikan Dasar Pembangunan Nasional mulai tahun depan.

Abdullah berkata segala cadangan yang dikemukakan dalam Mapen II tetap akan diperbincangkan dan diberi pertimbangan.

-- BERNAMA

MHI RZS LAT